

**NO.SOALAN : 85**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN V. SIVAKUMAR [ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 23 MEI 2016**

**RUJUKAN : 9027**

**SOALAN:**

**Tuan V. Sivakumar [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah banduan mengikut penjara di negara kita. Perincikan jenis makanan yang diberikan serta perbelanjaan purata untuk makanan bagi seorang banduan setiap hari.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik Jabatan Penjara pada 3 Mei 2016 menunjukkan jumlah penghuni penjara adalah seramai 56,231 orang.**

**Untuk maklumkan Dewan Yang Mulia ini, jenis makanan yang diberikan bagi seorang banduan pada setiap hari adalah berdasarkan kepada skala diet yang telah diluluskan oleh Menteri atas syor Menteri Kesihatan. Seorang banduan akan mendapat hidangan sebanyak 4 kali sehari iaitu sarapan pagi, minum pagi, makan tengahari dan makan malam. Bagi sarapan pagi, dihidangkan seperti roti putih, bubur nasi atau bubur kacang, dan teh atau kopi susu. Bagi minum pagi pula, dihidangkan biskut kering dan satu teh 'o'.**

**Bagi makanan tengahari dan makan malam, hidangan adalah seperti nasi, ikan, daging atau ayam, sayur, buah, air dan roti ban.**

**Perbelanjaan purata untuk makanan bagi seorang banduan setiap hari adalah pada kadar RM7.98. Perbelanjaan tersebut adalah rendah kerana penyediaan makanan disediakan oleh banduan yang layak dan terpilih sebagai satu bentuk latihan untuk mereka.**